

28 AUG 1998

Mahathir-Ekonomi

PM YAKIN KUNCUPAN EKONOMI DAPAT DIKURANGKAN PADA SUKU KETIGA

KUCHING, 28 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin kuncupan ekonomi negara 6.8 peratus pada suku kedua tahun ini akan dapat dikurangkan untuk suku ketiga dan suku terakhir nanti.

Katanya, rakyat perlu memahami apa sebenarnya yang menyebabkan kuncupan ekonomi tersebut.

Dr Mahathir berkata ia berpunca daripada antara lain ekonomi negara yang menjadi pasaran Malaysia seperti Jepun, terjejas menyebabkan Malaysia tidak dapat mengeksport barangan dengan banyak.

"Jadi, industri pembuatan kita turut mengalami kemerosotan," katanya pada persidangan berita pada akhir lawatan kerja dua harinya ke Sarawak.

Perdana Menteri berkata Jepun kini mengalami resesi dan tidak berupaya membeli produk utama Malaysia seperti kayu kayan.

Di samping itu, negara terpaksa bersaing dengan negara-negara serantau seperti Indonesia yang boleh menjual barangannya dengan lebih murah ekoran penurunan nilai rupiah yang lebih banyak daripada ringgit.

Bank Negara semalam mengumumkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menguncup 6.8 peratus dalam suku kedua tahun ini selepas pertumbuhan negatif 2.8 peratus dalam suku pertama.

Perdana Menteri berkata sebab itu beliau cuba mempersiapkan fikiran orang ramai supaya apa pun ketetapan yang diperkenalkan kerajaan sama ada biasa atau luar biasa akan mendapat sokongan mereka, jika tidak usaha untuk memulihkan ekonomi tidak akan berjaya.

"Pada lawatan saya, saya cuba mempersiapkan fikiran orang ramai mengenai bagaimana mereka boleh mengendalikannya perkara-perkara yang luar biasa ini. Saya mempunyai firasat bahawa perkara-perkara luar biasa ini memerlukan penyelesaian yang luar biasa dan di Malaysia, kita telah melakukan penyelesaian luar biasa banyak kali."

Mengenai cadangan oleh pakar ekonomi Amerika Paul Krugman bahawa negara yang terjejas patut memperkenalkan kawalan pertukaran mata wang, Perdana Menteri berkata beliau bersetuju dengan Krugman tetapi ia bukan perkara yang mudah dilakukan kerana para spekulator mempunyai banyak dana dalam tangan mereka.

"Kita minta tolong dengan IMF, kita bercakap dengan Amerika Syarikat semasa APEC, Saya menjelaskan bahawa pada akhirnya ia akan menjejaskan Amerika sendiri. Mereka kata tiada apa yang mereka boleh buat. Malahan, saya tahu mereka boleh kerana mereka telah menahan beberapa orang kerana aktiviti mereka telah menjejaskan ekonomi mereka.

"Hari ini ia belum lagi menjejaskan ekonomi mereka, saya berharap dan berdoa bahawa mereka turut merasai masalah yang kita rasai. Pada masa itu, saya yakin kerajaan akan tahu bahawa mereka mempunyai kuasa untuk menghalang mereka. Hari ini, mereka mendapat banyak keuntungan, jadi bersuka rialah," katanya.

Ketika ditanya sama ada terdapat terlalu banyak spekulator di sekeliling, Perdana Menteri berkata paling banyak pun hanya 1,000 orang sahaja.

"Tetapi, hanya kerana 1,000 spekulator ini mahu mendapat berbilion-bilion bagi diri mereka, berpuluh-puluh juta pekerja di kalangan pekerja ini telah kehilangan kerja dan rakyat sedang menderita.

"Mereka secara sah menurut undang-undang telah mencuri kekayaan dari negara-negara di rantau ini menerusi sistem yang mereka bangunkan tetapi pada hakikatnya mereka mencuri daripada orang miskin," kata Dr Mahathir.

Bagi spekulator ini, perdagangan bebas bermakna tidak mengehendkan mereka daripada mendapatkan wang sebanyak yang boleh, katanya.

"Apa pentingnya Soros (spekulator mata wang George Soros) untung berbilion-bilion sehingga boleh beli satu juta hektar ladang di Argentina. Saya tahu perkara ini secara peribadi. Duit ini didapati daripada pekerja yang hilang kerja di Indonesia, Malaysia, Thailand dan Korea Selatan.

"Begitulah cara wang itu diperolehi dan dunia mempertahankan hak-hak mereka untuk mengambil wang daripada golongan miskin ini agar mereka boleh menjadi teramat kaya," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun telah banyak beliau jelaskan perkara ini, pemimpin-pemimpin negara maju enggan menerimanya dan terus menyalahkan kerajaan negara yang terjejas sebagai tidak telus dan melaksanakan kronisme seolah-olah mereka tidak tahu bagaimana mentadbirkan negara mereka sendiri.

-- BERNAMA

MAM RHM NMO